



## PONDOK MODEN ZAKAT KEDAH (PMZK) KENYATAAN TAWARAN TENDER 2019

Tender adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang menjalankan perniagaan di Negeri Kedah (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat pendapatan/perniagaan dengan LZNK**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai tender bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

### Maklumat Tender

NO TENDER	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
TD001/19	Membekal dan Menghantar Makanan Bermasak Bagi Asrama Pondok Moden Zakat Kedah	Kod Bidang: 040103 - Makanan Bermasak (Islam)	RM100.00 Dokumen Meja Tender boleh dirujuk mulai 12 November 2019 (Selasa)	12 November 2019 (Selasa) 10.00 Pagi Bertempat di Bilik Santapan, Kompleks Pembangunan Asnaf, Mergong. (diwajibkan hadir)	26 November 2019 (Selasa) 12.00 Tengah Hari

### Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Pondok Moden Zakat Kedah	Tarikh dan Masa Penghantaran Tawaran
Blok A, Kompleks Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Mergong, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-736 4799	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.30 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 petang – 3.00 petang
	<b>Tarikh dan Masa Dijual:</b> 12 November 2019 (Selasa)

- i) Semua petender **DIWAJIBKAN HADIR** untuk sesi taklimat pada 12 November 2019 (Selasa) bertempat di Bilik Santapan, Kompleks Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Mergong pada jam 10.00 pagi.
- ii) Petender dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM)**, **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM)** dan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya beserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa hadir ke sesi taklimat. Hanya Pemilik/Penama sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat. Wakil selain pemilik/penama di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii) Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan petender tidak dibenarkan untuk memasuki tender ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- iv) Dokumen Tender akan dijual kepada petender yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- v) Dokumen Tender boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** pada sesi **TAKLIMAT SAHAJA** dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
- vi) Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman **<http://www.zakatkedah.com.my>**
- vii) Dokumen Tawaran Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- viii) Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:  
Bahagian Perolehan – 04-736 4799 & 019-400 1740  
Pondok Moden Zakat Kedah